

Permintaan dan Penawaran untuk Keselesaan

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pembangunan ekonomi sesebuah negara adalah berkisar di atas pengagihan sumber secara optimum. Pengagihan sumber ini berlaku berlandaskan tiga soalan asas ekonomi, iaitu apa yang hendak dikeluarkan, bagaimana dan untuk siapa. Tiga soalan ini mempengaruhi aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam negara.

Kita telah lihat bagaimana di awal kemerdekaan kebanyakan aktiviti ekonomi adalah berkisar di atas aktiviti pengeluaran produk mentah pertanian dan galian. Keadaan ini bersesuaian dengan penganugerahan alam, di mana Malaysia bertuah mempunyai sumber yang kaya. Tanahnya subur untuk pertanian dan perut buminya kaya dengan bahan galian. Rakyat jelata bergantung kepada aktiviti pengeluaran hasil-hasil komoditi pertanian dan galian. Usaha ini memberi nilai tambah yang kecil, maka rata-rata rakyat hidup di dalam kemiskinan walaupun negara kaya dengan sumber asli.

Mulai dekad 1980an Malaysia telah berjaya mentransformasikan ekonomi dari pergantungan kepada pengeluaran komoditi kepada pembuatan. Banyak kilang-kilang telah wujud terutama dipelopori oleh pelabur-pelabur luar negara. Bahan-bahan mentah diproses untuk mendapat nilai tambah yang lebih tinggi. Keperluan pelabur asing adalah untuk pemindahan teknologi. Hasil dari transformasi ini, pendapatan rakyat meningkat. Proses perkilangan bukan sahaja tertumpu kepada pemprosesan bahan mentah, malahan juga meliputi pengeluaran barangan akhir seperti barangan elektrik dan elektronik serta pakaian melalui kaedah rantai nilai global.

Struktur ekonomi yang meningkatkan pergantungan kepada sektor pembuatan bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan negara, ianya juga mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada isi rumah. Di samping itu, pendapatan negara serta pendapatan isi rumah menjadi lebih stabil berbanding dengan pergantungan kepada

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

eksport barangan komoditi. Sejarah telah merekodkan bagaimana Malaysia telah berjaya meletakkan negara di dalam peta sebagai salah sebuah keajaiban ekonomi yang berjaya melonjakkan diri keluar dari kemiskinan. Bukan itu sahaja, Malaysia telah menjadi kuasa eksport yang penting di dunia.

Kini Malaysia sedang meniti fasa ketiga proses pembangunan ekonomi. Pergantungan kepada proses pembuatan menghadapi cabaran untuk terus bersaing di peringkat global. Ini bermakna peningkatan teknologi perlu digiatkan disokong oleh penyediaan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Oleh itu, pembangunan modal insan perlu diberi penekanan berterusan bukan sahaja untuk menyediakan pekerja berkemahiran tinggi, tetapi juga supaya mampu melonjakkan tahap teknologi itu sendiri.

Di samping itu, pergantungan kepada sektor perkhidmatan menjadi semakin penting. Ini adalah selari dengan negara-negara maju dunia di mana sektor perkhidmatan, atau disebut juga sektor ketiga, memberi sumbangan paling besar kepada pendapatan negara melebihi sektor kedua iaitu sektor pembuatan. Tahun 2015 menyaksikan sektor perkhidmatan menyumbang 53.5 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia, berbanding dengan sektor pembuatan yang menyumbang 23.0 peratus.

Secara umumnya, sektor perkhidmatan ini merupakan segala aktiviti sokongan untuk sektor pengeluaran dan pembuatan. Ianya termasuk antara lain, aktiviti-aktiviti berkaitan dengan agihan, promosi, pembungkusan dan sebagainya yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pengeluaran dan pembuatan. Selain daripada itu, perkhidmatan juga termasuk lain-lain aktiviti sokongan seperti perbankan, penyelidikan dan pembangunan dan lain-lain lagi.

Pada masa yang sama, lain-lain aktiviti yang lebih didominasi oleh keperluan individu turut menjadi penting, yang tidak semestinya berkait secara langsung dengan proses pengeluaran atau pengagihan. Contohnya aktiviti yang berkait dengan pelancongan, yang lebih merupakan aktiviti percutian atau riadah kepada individu. Aktiviti seperti ini pada asalnya bukan untuk menyokong proses pengeluaran atau pengagihan di dalam ekonomi, namun ianya mencipta proses pengeluaran yang baru.

Ringkasnya aktiviti perkhidmatan berkaitan percutian dan riadah ini menjadi semakin penting selari dengan permintaan domestik, yang sentiasa berubah mengikut cita rasa umum. Aktiviti sebegini menjadi keperluan yang kian meningkat mengikut arus peningkatan pendapatan isi rumah. Bukan itu sahaja, permintaan untuk aktiviti percutian dan riadah ini juga turut diminta oleh pelancong asing. Maka, aktiviti berkaitan dengan pelancongan ini mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang sihat dan mapan.

Ini adalah suatu realiti terkini yang perlu diterapkan ke dalam kefahaman dan tindak tanduk rakyat jelata. Bila disebut perkhidmatan, ianya sering dikaitkan dengan keselesaan, kepuasan, keseronokan dan seumpamanya. Segala sifat atau atribut seumpama ini, yang boleh dirumuskan sebagai keselesaan, diharapkan oleh semua individu. Maka ianya perlu “diekonomikan”. Sifat-sifat tersebut mempunyai permintaan, lantas ianya juga mempunyai penawaran.

Kebanyakan individu, jika tidak semua, mempunyai permintaan untuk keselesaan. Persoalannya, siapakah yang menawarkan keselesaan? Tidak dinafikan, secara langsung keselesaan perlu disediakan oleh badan atau agensi yang secara langsung menyediakan perkhidmatan berkaitan. Umpamanya, agensi yang menyediakan pengangkutan, bertanggungjawab tentang keselesaan mengikut kehendak peminta. Infrastruktur umum untuk menerbitkan keselesaan sudah pasti perlu disediakan oleh kerajaan.

Namun, suatu transformasi yang lebih penting perlu diterapkan ke dalam masyarakat yang ingin mencapai tahap negara maju, iaitu ke arah penawaran kepada keselesaan adalah perlu dilakukan oleh semua. Jika kita meminta untuk persekitaran yang selesa, maka adalah tanggungjawab semua untuk menawarkannya.

Kerajaan mampu dan perlu menyediakan kemudahan awam yang selesa, umpamanya tandas awam di lapangan terbang. Tandas awam ini juga perlu di selenggara dengan baik yang mungkin tiada masalah. Namun, yang lebih penting adalah sikap pengguna yang meminta untuk keselesaan tandas awam, tetapi tidak bersama bertindak untuk menawarkan keselesaan tersebut. Tanggungjawab bersama untuk penawaran sebegini adalah mentaliti rakyat sebuah negara maju. Terdapat tandas awam di

sesetengah lapangan terbang di dalam keadaan yang kurang sesuai sebagai sebuah negara maju yang diidamkan. Apatah lagi lapangan terbang adalah gerbang kemasukan yang di lalui oleh masyarakat asing. Adakah ini yang hendak kita tonjolkan kepada masyarakat luar tentang Malaysia?